

# KY Mustafa dilantik pengerusi Lembaga Pengarah UMS baharu

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengalu-alukan pelantikan Datuk KY Mustafa sebagai pengerusi Lembaga Pengarah UMS yang baharu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) UMS, pelantikan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia itu adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 17(1)(a) Perlembagaan UMS (Pengerusi) untuk tempoh tiga tahun berkuatkuasa mulai 1 November 2018 hingga 31 Oktober 2021.

“Warga UMS ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada Datuk KY Mustafa atas pelantikan ini,” demikian menurut kenyataan itu pada Rabu.

“Berdasarkan pengalaman luas Datuk KY Mustafa dalam sektor awam dan sektor korporat, UMS yakin beliau, bersama ahli Lembaga Pengarah yang lain, mampu memacu kecemerlangan UMS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pelbagai aspek, dan juga untuk merealisasikan agenda UMS bagi menghasilkan graduan ‘future-proof’ demi menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0.”

Untuk rekod, KY Mustafa adalah mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (2000-2007) serta mantan ahli Lembaga Pengarah UMS (2000-2007).

Beliau yang dilahirkan pada 3 Julai 1950 di Tanah Merah, Sandakan memiliki Ijazah Bachelor of Arts (Anthropology & Sociology) Universiti Malaya pada



**KY MUSTAFA**

1974.

Beliau mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam sebagai pengarah Bahagian Kabinet dan Dasar Jabatan Ketua Menteri (JKM) Sabah (1995-1996).

Kemudiannya, beliau dilantik Setiausaha Tetap Kementerian Kerja Raya dan Komunikasi (1996-1997), pengarah Unit Sains & Teknologi JKM (1997-1999), pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (2000), Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (2000-2007), dan pengerusi Lembaga Pengarah (BoD) Kolej Universiti Yayasan Sabah (USCF) sejak 2017.

Jawatan lain disandangnya ialah ahli Lembaga Pengarah Sabah Ports Sdn Bhd (sejak 2017), ahli Lembaga Pengarah Suria Capital Holdings Bhd (sejak 2015), ahli Lembaga Pengarah Sawit Kinabalu Sdn Bhd (sejak 2000), mantan ahli Lembaga Pengarah UMS (2000-2007) dan mantan pengurus Kumpulan UMS Link/UMS Links Holding Sdn Bhd (2007-2013).